



KENYATAAN MEDIA

NRES MENYAMBUT BAIK TAWARAN SULUNG LELONGAN SIJIL TENAGA BOLEH BAHARU (REC) DAN KREDIT KARBON DARIPADA PROJEK PEMULIHARAAN HUTAN DI KUAMUT, SABAH MELALUI BCX

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menyokong penuh tawaran pertama lelongan Sijil Tenaga Boleh Baharu Malaysia (*Renewable Energy Certificate* - REC) dan Kredit Karbon untuk dilelong melalui *Bursa Carbon Exchange* (BCX).

Kredit karbon dan REC berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan projek rendah karbon bagi menyokong cita-cita Malaysia mencapai pengurangan 45% dalam intensiti pelepasan berdasarkan KDNK berbanding tahap 2005 menjelang 2030, seperti yang telah digariskan dalam sasaran *Nationally Determined Contributions* (NDC) negara. Oleh itu, tawaran sulung kredit karbon Malaysia dan REC ini akan membuka peluang kepada sektor korporat untuk mengetengahkan tindakan iklim mereka melalui pengagihan modal dengan cekap bagi menyokong usaha pemuliharaan dan pemulihan hutan serta penggunaan teknologi rendah karbon.

Justeru, NRES melihat penglibatan Bursa dalam menggalakkan projek karbon tempatan untuk mengurus niaga melalui BCX ini adalah sesuatu yang membanggakan. NRES turut berpendapat bahawa penyertaan Sarawak dan Sabah yang menerajui pembangunan projek karbon di wilayah masing-masing dalam menjana kredit karbon dan REC adalah sesuatu yang wajar diteladani. Oleh yang demikian, NRES menyeru negeri-negeri lain di Malaysia untuk turut sama membantu memacu pembangunan industri pasaran karbon Malaysia.

Bagi memudahkan penyertaan dalam pasaran karbon sukarela, Malaysia telah memperkenalkan pelbagai dokumen panduan. Kementerian ini telah dilantik oleh Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia sebagai '*focal point*' dan pihak berkuasa kebangsaan dalam melaksanakan pasaran karbon di Malaysia.

Sebagai *focal point*, NRES sedang dalam proses menggubal Dasar Pasaran Karbon Negara, yang akan menyediakan panduan strategik terhadap inisiatif pasaran karbon negara dan, menyelaraskan pelaksanaannya dengan konvensyen antarabangsa seperti UNFCCC dan ICAO, serta pasaran karbon sukarela. Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan akan menghasilkan panduan strategik bagi menubuhkan ekosistem pasaran karbon yang teguh dan telus untuk menyokong cita-cita iklim Malaysia.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam menentukan keselarian dan mempelajari pembangunan ekosistem Pasaran Karbon Sukarela Malaysia untuk disertakan dalam pembangunan Dasar Pasaran Karbon Negara.

NRES menantikan perdagangan berterusan (*continuous trading*) dan luar pasaran (*off market trading*) untuk REC yang akan beroperasi menjelang akhir September 2024. NRES juga menantikan lelongan kredit karbon Malaysia yang pertama daripada Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut ('Projek Kuamut') pada 25 Julai 2024.

NRES berharap minat pelabur domestik dan antarabangsa untuk melabur dalam projek karbon di Malaysia akan terus meningkat melalui proses lelongan ini. Dalam hal ini, NRES mengalu-alukan pembangunan projek karbon yang memenuhi kriteria yang relevan dan sejajar dengan objektif kelestarian negara. NRES juga mengalu-alukan negara dan entiti yang berminat menjalinkan hubungan dengan Kerajaan untuk melabur dalam projek karbon di Malaysia.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

20 MEI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia